

# Majukan pelancongan alam semulajadi, warisan sejarah Terengganu

Oleh DATUK RAJA KAMARUL BAHRIN August 31, 2020 10:58 am 0



*Pulau Redang di Kuala Nerus, Terengganu terletak di perairan Laut China Selatan.*

Aset utama Terengganu adalah industri pelancongan yang cukup kaya dengan daya tarikan semula jadi serta warisan, dan apabila hasil minyak dan gas negeri kehabisan, pelancongan akan menjadi sumber utama pendapatan negeri.

Selain kaya dengan aset alam semula jadi, Terengganu juga amat kaya dengan warisan kebudayaan unik seperti dinyatakan oleh arwah Tan Sri Mubin Shepherd. Oleh itu, segala kemudahan industri pelancongan Terengganu mesti diberi keutamaan.

Insiden putus bekalan elektrik di Pulau Kapas beberapa hari lepas mesti dipandang serius kerana pulau -pulau menjadi daya tarikan utama di negeri Terengganu. Insiden ini mesti diberi perhatian serius kerana pengusaha hotel di Pulau Kapas telah mengalami masalah sejak beberapa minggu lalu tetapi perancangan untuk menambah baik bekalan telah begitu lama tertangguh.

Akibat putus bekalan elektrik, ada pelancong di pulau terpaksa dipindah ke tanah besar dengan bot di tengah malam dengan risiko tinggi keselamatan nyawa. Jika apa-apa kemalangan berlaku ia sudah tentu akan menjejaskan imej keselamatan Terengganu yang sedang amat popular terutamanya dalam tempoh perjalanan keluar negara masih tidak dibenarkan.

Rungutan pengusaha dan pelabur industri pelancongan Terengganu adalah rentetan kerajaan Terengganu tidak memberi perhatian serius kepada infrastruktur dan kemudahan berkaitan dengan pelancongan negeri.

Selain isu bekalan infrastruktur asas seperti elektrik ke pulau, kemudahan hubungan pengangkutan udara terus ke lapangan terbang Kuala Terengganu, yang bertaraf “antarabangsa”, dari destinasi utama seperti Singapura dan Pulau Pinang sudah tiada lagi.

**Lebih agresif**

Bilangan penerbangan ke lapangan terbang Terengganu kurang daripada separuh penerbangan di Kota Bharu walaupun Kelantan tidak mempunyai satu pun pulau pelancongan seperti Redang, Perhentian, Tenggol dan Lang Tengah yang semuanya di Terengganu.

Ramai pelancong ke pulau-pulau tersebut melalui Lapangan Terbang Kota Bharu. Promosi luar mesti dipertingkatkan lagi dengan lebih agresif dan kreatif.

Polisi serta garis panduan rekreasi, kebudayaan serta kesenian dan hiburan masih belum jelas walaupun sudah dua tahun kerajaan baru Pas mengambil alih. Kenyataan tidak konsisten dari kerajaan tentang pantang-larang serta garis panduan di negeri menimbulkan banyak keraguan dan kebimbangan pengusaha pelancongan.

Dari segi pemuliharaan aset seni warisan serta kraf yang begitu kaya yang pernah dimiliki Terengganu suatu masa dahulu, kini semakin pupus.

Ramai rakyat sudah lama merintih kehilangan kekayaan warisan kaya Terengganu, contohnya kehilangan kampung seni warisan semula jadi di Ladang Tok Pelam di atas nama pembangunan adalah sejarah hitam bukan hanya untuk negeri tetapi juga untuk Malaysia.

Kerajaan negeri mesti memberi perhatian utama memelihara warisan dan aset warisan untuk memajukan industri pelancongan Terengganu kerana inilah industri masa depan yang akan menjadi tunggak utama penyelamat ekonomi Terengganu apabila minyak dan gas sudah tiada lagi.

Pelancongan adalah industri yang boleh memberi peluang perkerjaan dan perniagaan yang paling luas pada setiap lapis masyarakat.

Selagi kerajaan Terengganu tidak menukar sikap dan prioritinya terhadap bagaimana pentingnya industri pelancongan negeri dikendalikan, Terengganu akan terus kehilangan aset paling unik dan berharganya serta daya tarikannya.

Amat sedih, negeri yang paling kaya dengan aset warisan sejarah dan juga potensi tinggi pelancongan alam semula jadinya akan kehilangan semuanya ini jika kerajaan Terengganu terus hanya bergantung kepada hasil minyaknya yang akan pupus.

Kerajaan Terengganu perlu bangun dari mimpinya dan merenung lebih jauh ke hadapan masa hasil minyak sudah tiada lagi kerana pada zaman minyak kini pun Terengganu masih di antara negeri mempunyai teramai rakyat miskin di Malaysia.

***DATUK RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH merupakan bekas Pengerusi Persatuan Pelancongan Terengganu dan bekas Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia- cawangan Terengganu.**